

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6528

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Kerajaan untuk mengawal selia firma-firma penyumberan luar (*outsourcing*) dan adakah bilangan pekerja (tempatan dan asing) yang telah diberikan pekerjaan melalui firma-firma ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan untuk mengawal selia firma-firma penyumberan luaran (*outsourcing*) pada masa ini adalah melalui pengurusan syarikat *outsourcing* di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981). Ini selaras dengan keputusan Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-3 Bil. 2/2010 pada 20 Mei 2010 yang telah bersetuju supaya pengurusan syarikat *outsourcing* diuruskan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981) berserta peraturannya dan juga memutuskan bahawa syarikat *outsourcing* bukan lagi sebagai majikan tetapi hanya menguruskan kemasukan dan penghantaran pulang pekerja asing.

Selaras dengan keputusan tersebut, Kementerian ini bersama-sama Kementerian Sumber Manusia telahpun melaksanakan *engagement* dengan pihak *industry players* untuk sektor berkaitan, wakil majikan, wakil pekerja dan syarikat-syarikat *outsourcing* secara berperingkat bagi memastikan pengurusan syarikat *outsourcing* di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981) akan lebih terjamin dengan adanya pengiktirafan undang-undang oleh Kerajaan.

Sehubungan ini juga, pada masa ini syarikat *outsourcing* yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri hanya membekal dan menguruskan pekerja asing yang telah diluluskan sebelum ini. Jumlah pekerja asing yang masih diuruskan oleh syarikat

outsourcing adalah seramai 83,902 orang pekerja asing melibatkan 267 buah syarikat ***outsourcing***.